



1,894 Graduan Terima Ijazah, Diploma Sempena Istiadat Konvokesyen Ke-8

Sebanyak 1,894 graduan Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) menerima ijazah dan diploma masing-masing sempena Istiadat Konvokesyen ke-8 yang berlangsung pada 21 & 22 September 2013 lalu. Raja Muda Perlis, Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail yang juga Canselor UniMAP dan Raja Puan Muda Perlis, Tuanku Hajah Lailatul Shahreen Akashah Khalil, Pro-Canselor universiti itu telah berkenan menyampaikan ijazah dan diploma tersebut.

Istiadat Konvokesyen kali ini turut menyaksikan mantan Pengerusi Lembaga Pengarah UniMAP, Tan Sri Dr Zainul Ariff Hussain dianugerahkan Ijazah Kehormat Doktor Pengurusan manakala Pengerusi Eksekutif Proven Group of Companies, Datuk Yusof Jusoh dianugerah Ijazah Kehormat Doktor Kejuruteraan. Ijazah Kehormat Doktor Persuratan dianugerahkan kepada mantan Ketua Pengarah Arkib Negara, Datuk Zakiah Hanum Abdul Hamid yang diwakili anaknya, Mukhlis Mohamed Nor.

